



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**KESELAMATAN PENTING TERUTAMA BERKAITAN**  
**BEKALAN ELEKTRIK KETIKA BANJIR MELANDA**

---

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menasihatkan orang ramai untuk sentiasa mengamalkan keselamatan elektrik di kediaman masing-masing terutama jika rumah mereka dinaiki air akibat banjir kilat atau musim tengkujuh pada penghujung tahun. Nasihat dan panduan daripada pihak berkuasa sangat penting untuk kita patuhi. Malah amaran daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) atau pihak lain penting dijadikan panduan di musim begini.

KeTSA menyarankan orang ramai untuk segera menghubungi Tenaga Nasional Berhad (TNB) sekiranya premis dinaiki air pada paras berbahaya supaya bekalan dapat dihentikan demi keselamatan. Penutupan bekalan elektrik adalah bersifat sementara bagi memastikan keselamatan orang awam terjamin. Saya telah dimaklumkan bahawa apabila banjir surut dan keadaan kembali selamat, bekalan elektrik akan disambung semula oleh TNB.

KeTSA juga menyarankan orang ramai untuk mematikan suis utama dan tidak menggunakan sebarang peralatan elektrik jika kediaman dinaiki air bagi mengelak risiko renjatan elektrik.

Selepas banjir surut, orang ramai diingatkan untuk membersihkan dan memeriksa dahulu pendawaian dan peralatan elektrik yang ditenggelami air sebelum digunakan bagi memastikan ia benar-benar selamat. Ini termasuk membersihkan fius atau pemutus litar daripada kotoran dan menggantikannya sekiranya perlu. Soket alir keluar (outlet) yang ditenggelami air perlu berada dalam keadaan kering dan bersih sebelum digunakan.

Dalam hal ini adalah lebih baik pengguna mendapatkan perkhidmatan juruelektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk pemeriksaan dan pengujian pendawaian serta peralatan elektrik yang ditenggelami air.

Saya telah diberi taklimat persediaan menghadapi banjir oleh TNB dan Suruhanjaya Tenaga (ST). KeTSA telah dimaklumkan bahawa di sebalik situasi seluruh negara masih berdepan dengan ancaman penularan wabak Covid-19, TNB telah membuat persediaan bagi menghadapi musim tengkujuh yang dijangka pada akhir tahun.

TNB juga memaklumkan bahawa mereka akan segera menggerakkan pasukan teknikalnya serta aset-aset berkaitan bagi menghadapi situasi banjir demi keselamatan dan keselesaan pengguna. Selain menjana elektrik, empangan-empangan besar milik TNB pula turut berfungsi sebagai empangan tembatan banjir yang sangat diperlukan terutamanya di musim hujan lebat bagi mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diingini.

Persiapan sewajarnya juga telah dilaksanakan TNB di empangan-empangan hidro miliknya. Ini termasuk mengadakan latihan pengungsian (drill) bersama agensi-agensi Kerajaan berkaitan dan penduduk sekitar, selain menurunkan paras tasik (reservoir) ke tahap yang minimum sebagai persediaan menerima aliran masuk (inflow) air hujan yang tinggi.

Di kesempatan ini, saya mengingatkan ibu bapa agar sentiasa mengawasi tindak-tanduk anak-anak agar tidak menghampiri pencawang dan tiang elektrik yang ditenggelami air supaya perkara tidak diingini dapat dielakkan. Dalam waktu yang sama, saya telah meminta agar TNB meningkatkan tahap komunikasi dengan pelbagai agensi atau pihak berkaitan dalam mengurus situasi banjir atau bencana lain dan penting sekali meningkatkan kesedaran serta menyediakan maklumat lengkap kepada pengguna atau rakyat.

**DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**27 NOVEMBER 2020**